

SYARAT-SYARAT KELULUSAN DI BAWAH BUTIRAN 92 PERINTAH DUTI KASTAM (PENGECUALIAN) 2017
Approval Conditions Under Item No 92, Customs Duty (Exemption) Order 2017

No. Rujukan (<i>Reference no.</i>)	:	
Nama Syarikat Perniagaan (<i>Company' name</i>)	:	
Alamat (<i>address</i>)	:	

- Pembelian barang-barang berduti dari kilang GPB yang diluluskan hendaklah dibuat dalam tempoh kelulusan.
The purchase of dutiable goods from LMW Company must be done within the approval period.
- Ruang 18 kepada Lampiran P hendaklah diisi oleh pegawai syarikat yang diberi kuasa.
Column 18 under Attachment P must be filled in by the company's authorised personel.
- Barang-barang hendaklah dieksport dalam tempoh 6 bulan dari tarikh pembelian.
Goods must be exported within 6 months from the date of purchase
- Barang-barang terlibat hendaklah disimpan (sebelum dieksport) atau terus dieksport dan tidak dibenarkan dijual atau dilupus di dalam Kawasan Utama Kastam. Bagaimanapun syarikat pemasaran dibenarkan mengeksport terus barangan siap terlibat dari premis GPB, tertakluk kepada syarat berikut:
Goods approved should be stored or exported directly and cannot be sold or disposed in the Principal Customs Area. However, the marketing company is allowed to export directly from LMW premis subject to the following conditions;
 - Nama pengeksport di dalam Borang Kastam No.2 yang diikrar hendaklah atas nama syarikat pemasaran.
The exporter name in Customs's Form no.2 should be declared under marketing company's name.
 - Nama GPB dan lesen GPB serta nombor rujukan kelulusan kastam dicatat di atas Borang Kastam No.2.
LMW name, license and customs's approval reference number should be stated in the customs form no.2
 - Syarikat pemasaran bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan barangan berkenaan dan sekiranya berlaku kehilangan di dalam perjalanan, syarikat pemasaran perlu bertanggungjawab menjelaskan segala duti yang terlibat.
The marketing company is fully responsible to the security of the goods. If found lost or unaccounted, the marketing company should be responsible to pay all the duty / tax incurred.
- Syarikat pemasaran yang menerima kemudahan ini tidak dibenarkan menjual kepada GPB yang lain.
The marketing company is not allowed to sell to other LMW company
- Syarikat hendaklah menyimpan rekod atau akaun mengenai pengeksport barangan siap yang diberi pengecualian.
The company should prepare record / account pertaining to the exportation of exempted finished good
- Barangan siap yang tidak dapat diperakaunkan, duti terlibat hendaklah dibayar.
The duty / tax should be collected to unaccounted finished goods.
- Satu salinan Borang Kastam No. 2 mengenai pengeksportan barang yang diberi pengecualian hendaklah dikemukakan kepada Ketua Bahagian Kastam / Ketua Cawangan Perindustrian / Ketua Stesen yang memberi kelulusan sebagai bukti eksport, sebaik sahaja pengeksportan selesai. Bagi pengeksportan melalui laut / udara, manifest hendaklah dikemukakan bersama. Kelulusan baru tidak akan diberi sekiranya bukti eksport tidak dikemukakan.
A copy of customs form no. 2 should be submitted to Head of Customs Division / Head of Industry Section / Head of Station as a prove of export once the exportation is done. For exportation through sea / air mode, the manifest should be attached together. The new approval will not be considered if the prove of export document is not surrendered.
- Borang kelulusan seperti Lampiran P hendaklah segera dikembalikan apabila luput tempoh sahlakunya.
The approved form as Attachment P should be returned as the approval period is ended
- Kelulusan ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa sekiranya berlaku sebarang pelanggaran kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
The approval can be revoked at any time as found in compliance with the conditions imposed